

U PB 08-01 00149 BA065

BAH

Mahathir - Anggota

BADAN KHAS DITUBUHKAN BAGI MENINGKATKAN BILANGAN ANGGOTA UMNO

KUALA LUMPUR, 8 Jan (Bernama) -- Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO hari ini bersetuju menubuhkan satu badan khas yang diketuai Naib Presiden, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk meningkatkan bilangan anggota parti itu, kata Presidennya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Dr Mahathir berkata, MT turut memberi semula kebenaran bagi penubuhan cawangan-cawangan UMNO melalui Badan Perhubungan UMNO Negeri tetapi dengan beberapa syarat tertentu.

Penubuhan cawangan-cawangan UMNO baru dibekukan sebelum Perhimpunan Agung UMNO November lepas bertujuan mengurangkan tekanan persaingan dalam pemilihan peringkat cawangan dan seterusnya.

"Mesyuarat hari ini juga membincangkan masalah politik wang dan memutuskan supaya selain daripada Ibu Pejabat UMNO dan Badan Perhubungan UMNO Negeri, tidak ada sesiapa yang dibenarkan mengutip apa-apa wang," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat MT pertama bagi tahun ini. -- Lagi.

▼08/01/15-25MST

U PB 08-01 00198 BA066

BAH

Mahathir - Anggota 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir juga berkata, perlantikan semua Timbalan Ketua Perhubungan UMNO negeri belum dibuat kecuali bagi negeri Sabah.

"Mesyuarat hari ini memutuskan supaya Senator John Ghani dilantik sebagai Timbalan Ketua Perhubungan UMNO Sabah," katanya.

Mesyuarat hari ini dimulakan dengan majlis mengangkat sumpah oleh 10 orang anggota MT.

Mereka ialah dua orang bekas Naib Presiden UMNO Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi dan Datuk Seri Sanusi Junid serta Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri Sembilan, Tan Sri Haji Mohamed Isa Abdul Samad.

Empat orang lain yang mengangkat sumpah merupakan muka baru iaitu anggota Parlimen Padang Terap Datuk Dr Affifuddin Omar, Pengarah Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) Datuk Dr Kamal Salih, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Osu Sukam dan Anggota Parlimen Pasir Mas, Haji Ibrahim Ali.

Yang turut mengangkat sumpah ialah Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Nazri Tan Sri Aziz, Pengerusi Koperasi Usaha Bersatu (KUB), Hassan Harun dan Ahmad Sahibuddin Mohd Nor.

Setiausaha Agung UMNO, Datuk Mohamed Rahmat pula berkata, bilangan anggota UMNO yang berdaftar dijangka mencapai angka lebih dua juta sebelum pilihan raya umum akan datang. -- Bernama.

NZ KAM.